

**SIARAN AKHBAR**  
**3 FEBRUARI 2021**

## **PELABURAN SULUNG EKUINAS KE DALAM INDUSTRI FARMASEUTIKAL**

### **Sorotan Penting:-**

- Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) hari ini mengumumkan pelaburan sulungnya ke dalam industri farmaseutikal menerusi pemerolehan kepentingan dalam Medispec (M) Sdn Bhd (Medispec atau Syarikat), peneraju farmaseutikal tempatan dan pengedar produk makanan tambahan berdasarkan nilai perusahaan sebanyak RM88.5 juta.
- Medispec memasarkan lebih daripada 100 ubat farmaseutikal dan 30 makanan tambahan kesihatan untuk kedua-dua kategori preskripsi dan di kaunter (OTC). Ini termasuk aplikasi perubatan merangkumi pelbagai bidang terapi seperti anti-jangkitan, antineoplastik, sistem muskuloskeletal, sistem kardiovaskular dan sistem saraf.
- Medispec juga memiliki Vitamode, jenama makanan tambahan kesihatan sendiri yang memenangi anugerah, menampilkan produk-produk khas seperti *CoQ10 Ubiquinol*, *Mecobin*, *Lacidofil*, *Cognipro* dan *Tumecap*.

**KUALA LUMPUR, 3 Februari 2021:** Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) hari ini mengumumkan pelaburan sulungnya ke dalam industri farmaseutikal menerusi pemerolehan kepentingan dalam Medispec (M) Sdn Bhd (Medispec atau Syarikat), peneraju farmaseutikal tempatan dan pengedar produk makanan tambahan berdasarkan nilai perusahaan sebanyak RM88.5 juta.

Medispec memasarkan lebih daripada 100 ubat farmaseutikal dan 30 makanan tambahan kesihatan untuk kedua-dua kategori preskripsi dan di kaunter (OTC). Ini termasuk aplikasi perubatan merangkumi pelbagai bidang terapi seperti anti-jangkitan, antineoplastik, sistem muskuloskeletal, sistem kardiovaskular dan sistem saraf. Syarikat juga memiliki Vitamode, jenama makanan tambahan kesihatan sendiri yang memenangi anugerah, menampilkan produk-produk khas seperti *CoQ10 Ubiquinol*, *Mecobin*, *Lacidofil*, *Cognipro* dan *Tumecap*.

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas berkata, “Kemasukan Ekuinas ke dalam ruang penjagaan kesihatan dan farmaseutikal adalah tepat pada masanya kerana kami melihat untuk memanfaatkan megatrend global dan anjakan demografik di

tengah-tengah kemunculan COVID-19. Medispec ialah salah satu peneraju pengedar dan pemasar produk-produk penjagaan kesihatan dan farmaseutikal di Malaysia dengan rekod prestasi lebih dari 35 tahun. Mereka telah menubuhkan satu rangkaian pembekalan dan pengedaran yang kukuh di pasaran tempatan, dipacu dengan pemahaman industri yang mendalam dan hubungan erat dengan pihak berkepentingan. Kami bersukacita dapat menjadi sebahagian daripada perjalanan mereka ke peringkat seterusnya.”

Teng Beng Lee, Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat berkata, “Sempena ulang tahun Medispec ke-35 pada tahun ini, kami berbangga menjadi sebahagian daripada portfolio Ekuinas dan saya yakin kami mampu bekerjasama untuk meneroka ke peringkat pertumbuhan seterusnya. Selain daripada memperkembangkan jenama makanan tambahan tempatan kami, Vitamode di peringkat domestik, kami juga bersedia untuk menembusi pasaran serantau di negara-negara ASEAN dengan memanfaatkan kepakaran Ekuinas. Mengambil iktibar daripada pandemik ini, kami juga akan menumpukan lebih usaha dalam pemasaran dalam talian untuk mencapai pelanggan-pelanggan kami.”

Kemasukan Ekuinas ke dalam industri farmaseutikal dipengaruhi dengan tema makro semasa. Selaras dengan peningkatan kesedaran orang ramai terhadap penjagaan kesihatan, Ekuinas menjangkakan dunia akan melihat satu anjakan yang ketara dalam penjagaan kesihatan pasca pandemik, iaitu lebih menumpukan kepada langkah pencegahan daripada pemulihan.

“Selain daripada rangkaian pengedarannya yang besar dan telah terjalin di kalangan klinik, farmasi, hospital-hospital awam dan swasta, lain-lain pertimbangan utama yang mempengaruhi keputusan kami untuk melabur dalam Syarikat termasuk peluang industri yang cerah, jenama sendiri dengan prospek pertumbuhan yang kuat dan perancangan produk yang sihat. Faktor-faktor ini penting dalam merangka pelan pertumbuhan masa depan Medispec dan kami berharap untuk bekerjasama erat dengan mereka.” Syed Yasir Arafat berkata.

Ini merupakan pelaburan sulung Ekuinas dalam industri farmaseutikal. Sehingga kini, Ekuinas telah melaksanakan pelaburan kumulatif dalam 42 syarikat sejak penubuhannya pada 2009, dengan jumlah pelaburan komited sebanyak RM4.4 bilion. Sehubungan dengan itu, ia juga telah menjana impak positif terhadap ekonomi Malaysia secara meluas yang menjadikan jumlah kemasukan modal bersama rakan sektor swasta sebanyak RM5.0 bilion.

-Tamat-

**Mengenai Ekuinas**

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009 dan ia berusaha membina syarikat terkemuka Malaysia generasi akan datang, sambil menggalakkan penjana kekayaan serta penglibatan Bumiputera secara saksama dan mampan. Setakat ini, Ekuinas telah melabur dalam lebih 40 buah syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi yang terlibat dalam sektor sasaran teras Ekuinas iaitu pendidikan, barangan pengguna laris, minyak dan gas, runcit, penjagaan kesihatan, dan perkhidmatan. Pada tahun 2018, Ekuinas telah disenarai pendek sebagai salah satu daripada 3 Firma Asia Tenggara Terbaik Tahun ini oleh Private Equity International (PEI) Awards dan telah disenarai pendek sekali lagi untuk anugerah yang sama pada tahun 2019.

**Untuk pertanyaan media:**

Lok Ru Jun

Klareco Communications

M: +6012-325 6949

E: [RLok@klarecocomms.com](mailto:RLok@klarecocomms.com)